


Bahagi pusaka secara hibah jamin nasib waris



Oleh Noorazura Abdul Rahman

bhnews@bh.com.my

Pembahagian harta secara faraid sangat dituntut dalam agama Islam dan ayat dalam Surah al-Nisa menggariskan panduan mengenainya iaitu senarai waris yang berhak dan bahagian harus diperoleh.

Walaupun faraid berperanan dalam urusan pembahagian harta pusaka namun pengagihan harta melalui cara itu mampu menjurus kepada masalah tertentu sekiranya tidak ditadbir urus dengan sempurna serta tidak difahami dengan betul.

Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Perniagaan Islam Universiti Utara Malaysia (UUM), Dr Ahmad Khilmy Abdul Rahim, faraid berasal daripada perkataan 'fari-dah' yang bermaksud kefarduan mengenai penentuan bahagian harta tertentu ditetapkan di dalam al-Quran.

Katanya, jalan untuk melakukan pembahagian pusaka ialah dengan terlebih dahulu meneliti siapakah di antara waris berhak menerima pusaka dengan jalan Ashabul-Furud, kemudian dicari siapakah yang Mahjud, barulah bakinya diberikan kepada yang berhak

Beliau berkata, Allah memberi penjelasan mengenai pembahagian harta pusaka dan ia dijelaskan lagi dalam ayat ke-12 surah sama bermaksud;

"Bahagianmu (suami) adalah satu perdua daripada harta ditinggalkan isterimu, jika mereka tidak mempunyai anak. Jika mereka (isterimu) mempunyai anak, maka kamu mendapat satu perempat daripada harta ditinggalkannya selepas (dipenuhi) wasiat mereka atau (dan selepas dibayar) hutangnya. Isteri memperoleh satu perempat harta kamu tinggalkan jika kamu tidak mempunyai anak.

"Jika kamu mempunyai anak, maka isteri memperoleh satu perle-papan daripada harta kamu tinggalkan (selepas dipenuhi) wasiat kamu buat atau (dan selepas dibayar) hutangmu. Jika seseorang meninggal, lelaki atau perempuan tidak meninggalkan ayah dan tidak meninggalkan anak, tetapi mempunyai seorang saudara lelaki (se-ibu) atau seorang saudara perempuan (seibu), maka masing-masing saudara itu mendapat satu perenam harta.

"Tetapi jika saudara seibu itu lebih seorang, maka mereka bersama-sama dalam bahagian sepertiga itu, selepas

kepada ahli keluarga lelaki sebelah arwah bapanya iaitu datuknya.

"Bagaimanapun jika datuk kepada anak yatim sebelah bapa ini uzur dan tiada upaya maka tanggungjawab itu terletak kepada bapa saudara mereka.

"Sekiranya tiada, maka selepas itu barulah kepada ibunya dan ahli keluarga di sebelah ibunya.

"Menurut perspektif fiqh, ia bermula dengan organisasi keluarga daripada ahli waris (ashab al-furud dan 'asabah) dan kerabat pewaris (dhawi al-arham) terlebih dahulu.

"Jika tiada ahli keluarga mampu, maka tanggungjawab berkenaan berpindah kepada baitulmal dan masyarakat prihatin," katanya.

Ahmad Khilmy berkata, sistem faraid tetapkan kepada manusia dengan adil



“Jika tiada ahli keluarga mampu, maka tanggungjawab berkenaan berpindah kepada baitulmal dan masyarakat prihatin”

Ahmad Khilmy Abdul Rahim

pada masa peperangan. Mereka itulah orang yang benar, dan mereka orang bertakwa.”

Terdapat beberapa golongan sangat disarankan membuat hibah sebagai perancangan harta disebabkan faktor dalaman seperti perebutan harta pusaka dalam kalangan waris, tiada tolok ansur dalam kalangan waris dan tuntutan tidak sepatutnya.

Bagi bapa mempunyai anak perempuan sahaja, hartanya boleh dihibah tanpa had kepada mereka sekiranya bimbang berlaku pengabaian nafkah atau pembelaan terhadap anak-anaknya selepas dia meninggal dunia.

Menerusi hibah, contohnya si bapa boleh memberikan jumlah wang atau harta ditinggalkan secara sama

...nya diberikan kepada orang yang menerima Asabah.

“Ashabul-Furud adalah golongan teratas harus didahulukan dalam pembahagian harta iaitu suami, isteri, ibu, ayah, datuk, nenek, anak lelaki, anak perempuan, cucu, adik beradik, adik-beradik satu ayah dan satu ibu. Hal ini tercatat di dalam al-Quran melalui Surah An-Nisa’ ayat ke-11 bermaksud;

“Allah mensyariatkan (mewajibkan) kepadamu (pembahagian warisan untuk) anak-anakmu, (iaitu) bahagian seorang anak lelaki sama dengan bahagian dua anak perempuan. Jika anak itu semuanya perempuan lebih dua orang, maka bahagian mereka dua pertiga dari harta ditinggalkan.

“Jika dia (anak perempuan) itu seorang saja, maka dia memperoleh setengah (harta ditinggalkan). Bagi kedua ibu-bapa, bahagian masing-masing satu perenam daripada harta ditinggalkan, jika dia (yang meninggal) mempunyai anak.

“Jika dia (yang meninggal) tidak mempunyai anak dan dia diwarisi kedua ibu-bapanya (saja), maka ibunya mendapat satu pertiga. Jika dia (yang meninggal) mempunyai beberapa saudara, maka ibunya mendapat satu per enam.

“(Pembahagian di atas) selepas (dipenuhi) wasiat dibuatnya atau (dan selepas dibayar) hutangnya. (Mengenai) orang tuamu dan anak-anakmu, kamu tidak mengetahui siapa di antara mereka lebih banyak manfaatnya bagimu. Ini adalah ketetapan Allah. Sungguh, Allah Maha Mengetahui, Maha Bijaksana.”

Faraid berperanan dalam urusan pembahagian harta pusaka namun pengagihan harta melalui cara ini mampu menjurus kepada masalah tertentu sekiranya tidak ditadbir urus dengan betul.

(Foto hiasan)

... dan ia tidak pernah salah. Bagaimanapun, terdapat kaedah lain untuk pemindahan harta dalam Islam yang dibolehkan antaranya adalah hibah seperti dinyatakan Allah SWT dalam surah al-Baqarah pada ayat 177 bermaksud;

“Islam dengan jelas sangat memberi keadilan kepada waris untuk mewarisi harta pusaka namun begitu timbul kekeliruan dan pengabaian dalam segelintir masyarakat terhadap nafkah anak yatim terutama selepas harta dibahagikan mengikut faraid.

Waris terdekat

Ahmad Khilmy berkata, Islam menggariskan waris keluarga paling terdekat dengan anak yatim kematian bapa adalah paling bertanggungjawab menjaga kebajikannya.

Jelas beliau, waris keluarga dimaksudkan adalah lebih diutamakan

... dan ia tidak pernah salah. Bagaimanapun, terdapat kaedah lain untuk pemindahan harta dalam Islam yang dibolehkan antaranya adalah hibah seperti dinyatakan Allah SWT dalam surah al-Baqarah pada ayat 177 bermaksud;

“Kebajikan itu bukanlah menghadapkan wajahmu ke arah timur dan ke barat, tetapi kebajikan itu ialah orang beriman kepada Allah, hari akhirat, malaikat, kitab dan nabi serta memberikan harta dicintainya kepada kerabat, anak yatim, orang miskin, orang dalam perjalanan (musafir), peminta sedekah dan untuk memerdekakan hamba sahaya, yang melaksanakan solat dan menunaikan zakat, orang menepati janji apabila berjanji, dan orang sabar dalam kemelaratan, penderitaan dan

... rata atau kadar tertentu mengikut keperluan anak mereka. Sekiranya hibah tidak dilakukan, maka anak yatim ini perlu menunggu proses faraid agak lama.

“Dalam hal ini amat penting, masyarakat melantik wasi atau pentadbir harta sama ada menerusi Amanah Raya, peguam syarie, Pejabat Pusaqa Kecil dan Mahkamah Sivil mengikut jumlah harta pusaka tinggalkan.

“Pelantikan wasi ini sangat berkesan dalam proses membahagikan harta dengan lebih cepat berbanding tanpa wasi yang boleh memakan masa minimum dua tahun dan terdapat kes tertentu menjangkau lebih 10 tahun,” katanya.

Ahmad Khilmy berkata, kesedaran rakyat Malaysia mengenai wasi masih rendah sehingga statistik menunjukkan harta umat Islam yang beku atau tergantung adalah kira-kira RM70 bilion di negara ini.

“Oleh itu, sahaja mahu mewariskan harta, pergi berjumpa wasi diktifir supaya harta kita dapat diwarisi dengan cepat dan mudah sama ada mewariskan harta menerusi faraid, wasiat dan hibah.

“Kita lebih mengetahui keadaan ekonomi dan sikap waris kita. Sekiranya tiada masalah seperti dinyatakan dan perlu difaraid, maka ikut seperti digariskan dalam al-Quran, dan sekiranya bimbang berlaku masalah, maka hibah juga diharuskan,” katanya.

